

23 NOV 1998

Singapura-Malaysia/I

SINGAPURA DAN MALAYSIA RUNDING BANTUAN KEWANGAN

SINGAPURA, 23 Nov (Bernama) -- Bantuan kewangan Singapura kepada Malaysia bagi menangani kegawatan ekonomi sekarang sama ada dalam bentuk pinjaman langsung, pembelian bon dari Malaysia atau jaminan, kata Perdana Menteri Goh Chok Tong hari ini.

Beliau memberitahu Parlimen bahawa kaedah-kaedah ini dibincangkan buat masa ini dan bantuan kewangan merupakan berasingan daripada isu imigresen Malaysia yang beroperasi di stesen keretapi Tanjong Pagar.

Goh berkata beliau dan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju untuk menengguhkan perbincangan mengenai isu imigresen pada tarikh lain.

"Bentuk sebenar bantuan yang akan diberikan kepada Malaysia dalam konteks kewangan sedang dibincangkan. Ia boleh disalurkan dalam bentuk pinjaman langsung dari kerajaan Singapura atau kerajaan Singapura membeli bon dari Malaysia atau dalam bentuk jaminan," kata beliau.

Goh berkata para pegawai dari kedua-dua pihak sedang merundingkan dua perjanjian yang dikaitkan dengan bantuan kewangan, satu mengenai pinjaman kepada Malaysia dan satu lagi mengenai perjanjian baru bekalan air bagi Singapura sebagai balasan.

Goh juga ditanya sama ada bantuan Singapura kepada Malaysia akan menjejaskan hubungan republik itu dengan Amerika Syarikat yang dilaporkan kurang senang dengan Malaysia dan cba menyekat bantuan kepada Malaysia kerana ia bukan antara negara yang menerima bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) berikutan krisis ekonomi sekarang.

"Saya tidak tahu bagaimana reaksi Amerika terhadap isu ini tetapi kita mengambil kira kepentingan negara dan kepentingan kita untuk membantu Malaysia.

"Saya sendiri berharap agar Amerika tidak akan membantah bantuan kepada Malaysia dalam kes ini kerana kita mendapat sesuatu sebagai balasan yang amat penting kepada republik ini dalam jangka panjang," kata Goh.

Goh menyifatkan pinh jaman itu dan cadangan air sebagai isu yang memanfaatkan kedua-dua pihak kerana Singapura akan menyediakan dana bagi Malaysia "berdasarkan syarat-syarat yang munasabah" sementara sebagai balasan, bekalan air Singapura untuk jangka panjang terjamin dengan perjanjian baru itu.

Beliau juga berkata atas permintaan Malaysia, Singapura telah mengemukakan draf kepada Malaysia pada 14 Nov lalu mengenai perjanjian air dan berikutan ini, Malaysia pada 20 Nov pula telah mengemukakan draf kepada Singapura mengenai perjanjian pinjaman.

Kedua-dua pihak belum mengumumkan jumlah dana yang dibincangkan dalam pertemuan antara Goh dan Dr Mahathir di Kuala Lumpur pada 5 Nov apabila kedua-dua pemimpin mengadakan rundingan.

Goh berkata adalah terlalu awal untuk menyatakan butirannya kerana pegawai dari kedua-dua pihak masih berunding.

"Oleh kerana ia perjanjian penting antara kedua-dua pihak, ia akan dikemukakan kepada Parlimen masing-masing untuik diluluskan selepas Dr Mahathir dan saya menandatangani.

Bagaimanapun, ingin saya mengingatkan bahawa rundingan masih dijalankan," kata beliau.

Goh berkata air dari Malaysia juga ialah alternatif yang lebih murah daripada proses penapisan garam.

Mengenai pertemuannya dengan Dr Mahathir, beliau berkata ia menunjukkan

perubahan sikap oleh kedua-dua pihak ke arah memulih dan memperbaiki hubungan dua hala.

Pada masa ini, peluang amat cerah ke arah itu terutama jika kedua-dua negara menandatangani perjanjian pinjaman dan air, kata beliau.

Ketika ditanya sama ada kerajaan Singapura akan membeli tanah di Tanjong Pagar jika Malaysia berhasrat menjualnya, Goh berkata tanah itu harus diletakkan di pasaran terbuka dan beliau tidak pasti sama ada harga yang ditawarkan boleh memenuhi keperluan Malaysia.

-- BERNAMA

TCL FAZ